

24/06/2002

'Dakwaan Dr M letak jawatan sandiwara biadap'

IPOH, Ahad - Mereka yang mendakwa pengumuman peletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai sandiwara politik adalah biadap.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata kumpulan itu sentiasa menyatakan apa yang berlaku sebagai sandiwara.

"Semuanya sandiwara. Bila kita buat Putrajaya, mereka kata membazir padahal yang datang berbas-bas melwatnya adalah kumpulan mereka juga.

"Ini golongan yang berhati busuk dan cuma mahu mencari kesalahan orang. Kita lihat Dr Mahathir semalam di kaca televisyen mahupun gambarnya yang disiarkan di akhbar tempatan hari ini, adakah wajahnya wajah sandiwara?" katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sekolah Agama Rakyat Al-Taufiqiah di Taman Klebang Jaya, Chemor dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan penyokong parti pembangkang menganggap pengumuman Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan dalam politik dan kerajaan ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur semalam sebagai sandiwara.

Ketua Penerangan Pas Pusat, Azizan Abdul Razak mendakwa, pengumuman peletakan jawatan Perdana Menteri semalam sebagai sandiwara politik.

Akhbar tempatan hari ini melaporkan, Azizan mendakwa, Dr Mahathir sengaja berbuat demikian bagi membolehkan beliau memperoleh semula sokongan pemimpin dan ahli Umno yang lain, selain rakyat, selepas melakukan perubahan berhubung perkara yang ada kaitan dengan hak Melayu.

Abdul Aziz berkata, mereka yang mendakwa Dr Mahathir bersandiwara tidak tahu menggunakan fikiran selain menyimpang daripada apa yang didakwa mereka sebagai pejuang Islam.

"Dia akui pejuang Islam. Apakah ini Islam sebenarnya? Orang Islam tidak menghukum orang lain tapi buat kajian dulu. Apa juga agama di dunia ini meminta penganutnya kaji dulu sesuatu perkara sebelum berkata-kata," katanya.

Abdul Aziz berkata, Dr Mahathir yang dikenali sejak 27 tahun lalu adalah seorang yang berpegang pada kata-kata dan tidak mungkin menarik semula kenyataan atau keputusannya.

"Memang Dr Mahathir berpegang pada kata-kata yang bermaksud membawa kebaikan dan bukan mengikut hati.

"Ini dapat dilihat apabila Dr Mahathir berpegang kepada prinsip tidak meminta bantuan Bank Dunia dan Tabung Wang Antarabangsa (IMF) ketika gawat dulu," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Aziz berkata, kehendak perwakilan dan rayuan Majlis Tertinggi (MT) menyebabkan Dr Mahathir menarik balik kenyataannya.

Beliau berkata, Dr Mahathir membuat keputusan meletakkan jawatan kerana mungkin mengangap sudah sampai masanya berundur selepas 21 tahun menjadi Perdana Menteri.

Pada majlis berasingan di Gopeng, Abdul Aziz berkata, keputusan Dr Mahathir berundur diri bukan bermakna beliau mahu lari daripada tanggungjawab.

"Dr Mahathir mengabdikan diri dalam parti sejak dulu dan sekarang beliau patut berehat. Peletakan jawatan bukan bermaksud beliau ingin lari daripada tanggungjawab, tetapi percaya kepada barisan kepimpinan sekarang," katanya.

(END)